

Pekan: "Saya mengambil masa kira-kira 10 minit untuk menunduk ikan baung ekor merah (kg) ketika air Sungai Pahang mula pasang," ujar Ahmad Shah Ibrahim, 28.

Kejayaan menangkap ikan gergasi itu sekali gus membolehkan dia merangkul hadiah wang tunai RM2,000 selaku juara pertandingan 'Moh tangkap ikan baung ekor merah' di daerah ini, kelmarin.

Program anjuran Jabatan Perikanan Pahang itu disertai 119 kaki pancing.

Bagaimanapun, hanya 12 peserta berjaya menangkap 22 ikan pemangsa itu yang turut digelar 'serigala merah'.

Ahmad Shah berkata, dia memancing di kawasan sangkar ternakan ikan di Kampung Pulau Keladi bermula jam 6.30 petang kelmarin.

"Selepas memancing selama 45 minit, mata kail

10 minit tunduk baung ekor merah 15.26kg

HM 26/9/2024 pg 12

saya disambar ikan baung ekor merah yang banyak berkeliaran di tempat berkenaan.

"Saya menggunakan umpan perut ayam selain mengeluarkan modal sebanyak RM80 untuk membeli peralatan memancing yang biasa digunakan dikalangan nelayan darat.

"Walaupun saiz ikan baung ekor merah dengan berat lebih 15kg dianggap besar namun saya tidak cemas kerana sebelum ini telah beberapa kali berjaya menangkap ikan spesies berkenaan termasuk patin bersaiz lebih besar di tempat sama.

"Tahun lalu saya berjaya menewaskan ikan baung



“
Tahun lalu saya
berjaya
tewaskan baung
ekor merah
seberat 27kg
Ahmad Shah

ABDULLAH (kiri) menyampaikan hadiah kepada Ahmad Shah (dua dari kiri) yang muncul juara pertandingan 'Moh tangkap ikan baung ekor merah'. - Gambar NSTP/MOHD RAFI MAMAT

ekor merah seberat 27kg. Ikan spesies berkenaan banyak terdapat di daerah ini

terutama di Sungai Pahang," katanya.

Program kesedaran ikan

asing dan pertandingan 'Moh tangkap ikan baung ekor merah' diadakan bagi

mengurangkan populasi ikan asing itu yang membunuh spesies ikan tempatan.

Majlis penyampaian hadiah disempurnakan Pengarah Jabatan Perikanan Pahang, Abdullah Jaafar.

Hadiah tempat kedua dimiliki Saidihood Johar dari Kampung Kiambang yang menerima RM1,500 selepas berjaya memancing ikan baung ekor merah seberat 12.48kg dan ketiga, Mohd Rosli Othman dari Kampung Tanjung Pulau mendapat ikan seberat 9.16kg.

Pemenang kategori terbanyak berpihak pada Ahmad Sabri Saadun dari Kampung Gangchong yang berjaya menangkap sepuluh ikan baung ekor merah.

Sementara itu, Abdullah berkata, tahun ini jabatan telah menganjurkan empat siri pertandingan 'Moh tangkap ikan baung ekor merah' termasuk di daerah ini.